

**LAYANG-LAYANG
JAMBUL KELABU**
Grey-Rumped Treeswift

FAMILI : Hemiprocnidae
NAMA SAINTIFIK : *Hemiprocne longipennis*



CIRI-CIRI

Burung jantan dewasa mempunyai bahagian atas kepala, belakang tengkuk dan atas sayap berwarna hijau gelap berkilat, bahagian telinga berwarna coklat buah berangan terang, keseluruhan bahagian tekak berwarna kelabu. Sayap tertier berwarna kelabu-putih dan semasa ia terbang, ia menunjukkan belakang dan tongkeng berwarna kelabu. Bagi burung betina, bahagian telinga berwarna kehitaman manakala burung juvenile pula, bahagian atas badan berwarna coklat berkarat, bahagian bawah badan berwarna putih lusuh dengan jalur-jalur coklat di bahagian ekor.

SAIZ

Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 18.0-21.5 sm.

MAKANAN

Serangga.

HABITAT

Ia terdapat di kawasan terbuka dan kawasan pembalakan hingga ke ketinggian 1,220 m dari aras laut.

BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi kicauan *ki, ki-ki-ki-kew* dan *chi-chi-chi-chew*. Kadang - kala ia mengeluarkan bunyi *too-eit*.

PEMBIAKAN

Musim membiak daripada bulan Februari hingga bulan September pada sepanjang tahun. Ketinggian sarang adalah dari 4.5-12.0 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 1 biji telur dan telur adalah berwarna putih-kelabu. Anggaran saiz telur adalah 25.9 x 17.3 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.